



## KENYATAAN AKHBAR KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

### SITUASI SEMASA JANGKITAN PENYAKIT CORONAVIRUS 2019 (COVID-19) DI MALAYSIA 2 SEPTEMBER 2021

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ingin memaklumkan status terkini kes COVID-19 di Malaysia sehingga 2 September 2021 (jam 12:00 tengah hari);

- Kes sembuh : **23,473 kes** (1,506,273 kes kumulatif, 84.3%);
- Kes baharu : **20,988 kes** (1,786,004 kes kumulatif);
- Kes import : **1 kes** (bukan warganegara);
- Kes tempatan : **20,987 kes** [18,436 warganegara (87.8%); 2,551 bukan warganegara (12.2%)];
- Kes aktif : **262,540 kes**;
- Kes yang memerlukan rawatan di Unit Rawatan Rapi (ICU) : **1,417 kes** (**1,001 kes disahkan COVID-19**; 416 kes *suspected, probable*, dan kes dalam siasatan);
- Kes memerlukan bantuan pernafasan : **783 kes** (**470 kes disahkan COVID-19**; 313 kes *suspected, probable*, dan kes dalam siasatan);

- Kes kematian : **249 kes** [17,191 kes kumulatif, 0.96%;  
198 warganegara, 51 bukan warganegara;  
80 kes BID (46 warganegara; 34 bukan warganegara)];
- Jumlah kluster : **4,804 kluster**;
- Jumlah kluster baharu : **31 kluster**;
- Jumlah kluster yang telah tamat : **3,316 kluster**; dan
- Jumlah kluster aktif : **1,488 kluster**.

Daripada **20,988 kes** harian yang dilaporkan pada hari ini, sebanyak **341 kes (1.6 peratus)** adalah daripada kategori 3, 4 dan 5. Manakala sebanyak **20,647 kes (98.4 peratus)** lagi adalah terdiri daripada kategori 1 dan 2.

Secara keseluruhan, **9,860 kes (47.0 peratus)** daripada jumlah kes yang dilaporkan pada hari ini tiada sejarah vaksinasi, **4,995 kes (23.8 peratus)** telah menerima sekurang-kurangnya satu (1) dos vaksin, manakala **6,133 kes (29.2 peratus)** mempunyai sejarah vaksinasi lengkap. Status vaksinasi COVID-19 mengikut kategori adalah seperti Rajah 1.


# STATUS VAKSINASI KES COVID-19 | 2 SEPT 2021

## HARIAN MENGIKUT KATEGORI




### BERDASARKAN KEADAAN KLINIKAL SEMASA BAHARU DIDIAGNOSA COVID-19

KATEGORI 5	KATEGORI 4	KATEGORI 3	KATEGORI 2	KATEGORI 1
Kritikal & perlu bantuan pernafasan: Purata jagaan di ICU selama 21 hari	Radang paru-paru & perlu bantuan oksigen: Purata jagaan di ICU selama 14 hari	Radang paru-paru: Memerlukan rawatan dan pemerhatian di hospital	Bergejala ringan	Tidak bergejala



**JUMLAH KES HARIAN : 20,988**



Sumber : CPRC, KKM

Rajah 1 Status Imunisasi COVID-19 Harian Mengikut Kategori

Perincian jumlah dan purata kes mengikut negeri, kes-kes kematian, kluster-kluster baharu, dan nilai  $R_T$  mengikut negeri adalah seperti di Lampiran 1, 2, 3, 4, dan 5 yang disertakan bersama kenyataan media ini.

## **NASIHAT KESIHATAN BERKAITAN COVID-19**

KKM ingin menasihati orang ramai termasuk individu-individu yang telah menerima vaksin COVID-19 agar terus mematuhi saranan serta nasihat-nasihat kesihatan yang sering ditekankan iaitu;

- **Elakkan 3S:** (elakkan kawasan yang **sesak, sempit** dan **sempang** dengan jarak yang dekat).
- **Amalkan 3W:** (Amalkan **Wash, Wear** dan **Warn**).
- Sentiasa memakai pelitup muka di kawasan awam yang tertutup. Pemakaian pelitup muka berganda adalah digalakkan.

Patuhlah kepada S.O.P sebagai norma baharu dan dapatkan vaksin COVID-19 bagi mengurangkan risiko jangkitan yang serius, bilangan kes kematian sekaligus membina imuniti kelompok. Dengan pengambilan vaksin, kita dapat melindungi orang di sekeliling daripada kemungkinan jangkitan COVID-19. Dengan imuniti kelompok yang terbentuk, kumpulan yang belum layak diberi imunisasi seperti kanak-kanak dapat dilindungi. Perlindungan untuk semua bermula daripada diri kita.

KKM akan terus memantau perkembangan kejadian jangkitan di dalam negara, dan juga luar negara melalui maklumat yang diperolehi daripada pihak WHO. KKM akan memastikan langkah

pencegahan dan kawalan yang sewajarnya dilaksanakan secara berterusan.

Sekian, terima kasih.

**TAN SRI DATO' SERI DR. NOOR HISHAM ABDULLAH**  
**KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA**

2 September 2021 @ 7:00 petang.

## LAMPIRAN 1



**BILANGAN KES COVID-19 MENGIKUT NEGERI DI MALAYSIA**  
(setakat 2 September 2021, jam 12:00 tengahari)

Negeri	Purata Kes 7 Hari *	Kadar Insiden **	Bilangan Kes Baharu ( ) ***	Bilangan Kes Kumulatif
 Selangor	4,556	66.85	4,073	611,779
 Sabah	2,570	62.50	2,329	152,602
 Sarawak	2,411	81.82	2,992	121,964
 Johor	2,009	50.50	2,145	142,785
 Kedah	1,990	86.57	2,455	103,082
 Pulau Pinang	1,705	93.36	1,600	89,853
 Kelantan	1,290	64.54	1,247	80,277
 Perak	1,029	58.01	990	69,982
 WP Kuala Lumpur	829	43.04	731 (1)	174,543
 Pahang	702	26.66	599	45,447
 Terengganu	654	49.59	987	34,985
 Melaka	425	43.69	407	49,274
 Negeri Sembilan	292	24.86	301	92,068
 Perlis	65	24.42	90	2,077
 WP Putrajaya	39	40.52	37	5,469
 WP Labuan	4	3.42	5	9,817
 <b>Malaysia</b>	<b>20,568</b>	<b>60.07</b>	<b>20,988 (1)</b>	<b>1,786,004</b>

\*Tidak termasuk kes import A (luar negara) dan di Penjara/Lokap/Depot Tahanan Imigresen (DTI)  
 \*\*Purata kes 7 hari bagi setiap 100,000 penduduk  
 \*\*\*Kes import

Sumber: CPRC, KKM

**Rajah 2** Bilangan Kes COVID-19 Mengikut Negeri di Malaysia

## LAMPIRAN 2

Ringkasan 249 kes kematian pada 2 September 2021 adalah seperti berikut:

Negeri	Bil. Kes	Jantina		Kewarganegaraan		Tempat Kematian						Sejarah Penyakit
		L*	P*	WN**	BWN**	Hospital			BID***			
						Jumlah	WN**	BWN**	Jumlah	WN**	BWN**	
Selangor	61	39	22	41	20	28	25	3	33	16	17	44
Johor	40	28	12	34	6	28	27	1	12	7	5	32
Pulau Pinang	39	23	16	29	10	25	19	6	14	10	4	27
Sabah	33	22	11	23	10	21	17	4	12	6	6	22
Kedah	16	10	6	15	1	16	15	1	-	-	-	11
WP Kuala Lumpur	16	9	7	14	2	14	13	1	2	1	1	11
Melaka	13	8	5	12	1	13	12	1	-	-	-	12
Perak	9	6	3	8	1	5	5	-	4	3	1	5
Sarawak	8	2	6	8	-	6	6	-	2	2	-	7
Kelantan	6	3	3	6	-	6	6	-	-	-	-	5
Negeri Sembilan	4	1	3	4	-	4	4	-	-	-	-	4
Terengganu	3	2	1	3	-	2	2	-	1	1	-	3
Perlis	1	-	1	1	-	1	1	-	-	-	-	1
<b>Jumlah</b>	<b>249</b>	<b>153</b>	<b>96</b>	<b>198</b>	<b>51</b>	<b>169</b>	<b>152</b>	<b>17</b>	<b>80</b>	<b>46</b>	<b>34</b>	<b>184</b>

\*L merujuk kepada lelaki dan P merujuk kepada perempuan

\*\*WN merujuk kepada warganegara dan BWN merujuk kepada bukan warganegara

\*\*\*BID merujuk kepada *Brought In Dead*

### LAMPIRAN 3

Perincian 20,988 kes positif COVID-19 baharu yang dilaporkan di Malaysia pada 2 September 2021 mengikut jenis saringan adalah seperti berikut:

NEGERI	JUMLAH KES	KLUSTER	KONTAK RAPAT	IMPORT A*	LAIN-LAIN
SELANGOR	4,073	253	2,000	-	1,820
SARAWAK	2,992	234	2,152	-	606
KEDAH	2,455	20	1,495	-	940
SABAH	2,329	82	1,379	-	868
JOHOR	2,145	535	886	-	724
PULAU PINANG	1,600	125	505	-	970
KELANTAN	1,247	64	754	-	429
PERAK	990	133	464	-	393
TERENGGANU	987	32	757	-	198
WP KUALA LUMPUR	731	-	330	1	400
PAHANG	599	110	373	-	116
MELAKA	407	96	174	-	137
NEGERI SEMBILAN	301	19	135	-	147
PERLIS	90	8	50	-	32
WP PUTRAJAYA	37	-	32	-	5
WP LABUAN	5	-	4	-	1
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>	<b>20,988</b>	<b>1,711</b>	<b>11,490</b>	<b>1</b>	<b>7,786</b>

\* Import A merujuk kepada kes penularan dari luar negara



**LAMPIRAN 4****KLUSTER-KLUSTER BAHARU YANG DILAPORKAN DI MALAYSIA  
PADA 2 SEPTEMBER 2021**

<b>NO</b>	<b>NAMA KLUSTER</b>	<b>KATEGORI KLUSTER</b>	<b>NEGERI</b>	<b>DAERAH</b>	<b>JUMLAH KES</b>	<b>JUMLAH DISARING</b>
1	Tapak Bina Kota Bayuemas	Tempat Kerja	Selangor	Klang dan Petaling	83	140
2	Industri Jalan Labohan Dagang-Nilai	Tempat Kerja	Selangor	Kuala Langat dan Klang	64	518
3	Bagan Parit Baru	Tempat Kerja	Selangor	Sabak Bernam	21	35
4	Industri Taman Alam Jaya 2/5	Tempat Kerja	Selangor	Kuala Selangor dan Petaling	18	86
5	Jalan Kilang Pending	Tempat Kerja	Sarawak	Kuching	70	112
6	Jalan Usaha Jaya Dua	Tempat Kerja	Sarawak	Kuching dan Asajaya	41	41
7	Industri Jalan Semeba	Tempat Kerja	Sarawak	Kuching	32	32
8	Jalan Bintulu – Bakun	Tempat Kerja	Sarawak	Bintulu	19	20
9	Perusahaan Valdor 12	Tempat Kerja	Pulau Pinang	Seberang Perai Selatan	40	239
10	Jelawat Lapan Seberang Jaya	Tempat Kerja	Pulau Pinang	Seberang Perai Tengah	33	150
11	Industri Lorong Perusahaan 8C	Tempat Kerja	Pulau Pinang	Seberang Perai Tengah	18	63
12	Industri Jalan Batu Berendam	Tempat Kerja	Melaka	Melaka Tengah	62	606
13	Taman Perindustrian Batu Berendam	Tempat Kerja	Melaka	Melaka Tengah, Jasin, dan Alor Gajah	36	178
14	Jalan 1/44 Padang Tembak	Tempat Kerja	Kelantan	Kota Bharu	14	30
15	Tapak Bina Datin Halimah	Tempat Kerja	Johor	Johor Bahru	223	420

<b>NO</b>	<b>NAMA KLUSTER</b>	<b>KATEGORI KLUSTER</b>	<b>NEGERI</b>	<b>DAERAH</b>	<b>JUMLAH KES</b>	<b>JUMLAH DISARING</b>
16	Cyber 14	Tempat Kerja	Johor	Kulai	14	33
17	Perniagaan Jalan Kempas Lima	Tempat Kerja	Johor	Kota Tinggi	5	120
18	Maxbi Libai	Komuniti	Sarawak	Subis	93	266
19	Kampung Dangak	Komuniti	Sarawak	Kuching	19	19
20	Kampung Baru Lipis	Komuniti	Pahang	Lipis	18	79
21	Jalan Seterpa Kampung Parit	Komuniti	Kelantan	Kota Bharu	14	21
22	Jalan Jati Penawar	Komuniti	Johor	Kota Tinggi	12	72
23	Kampung Merkang	Komuniti	Kelantan	Pasir Puteh	12	18
24	Kampung Bukit Tandak	Komuniti	Kelantan	Pasir Mas	12	30
25	Kampung Banggol Kемian Hilir	Komuniti	Kelantan	Pasir Mas	9	13
26	Kampung Kubang Panjang Hulu	Komuniti	Kelantan	Pasir Mas	9	12
27	Jalan Mariamah Lima	Kumpulan Berisiko Tinggi	Johor	Johor Bahru	43	64
28	Jalan Sentral 28	Kumpulan Berisiko Tinggi	Johor	Johor Bahru	11	25
29	Jalan Pinang Gelugor	Kumpulan Berisiko Tinggi	Pulau Pinang	Timur Laut dan Seberang Perai Selatan	11	88
30	Jalan Seroja Saujana Utama	Kumpulan Berisiko Tinggi	Selangor	Kuala Selangor	48	73
31	Jalan Pahlawan	Pendidikan Tinggi	Sabah	Kota Kinabalu dan Penampang	45	72

**LAMPIRAN 5****NILAI  $R_T$  MENGIKUT NEGERI  
BERDASARKAN KES YANG DILAPORKAN  
PADA 1 SEPTEMBER 2021**

<b>NEGERI</b>	<b>NILAI <math>R_T</math></b>
<b>SARAWAK</b>	1.18
<b>PERLIS</b>	1.11
<b>JOHOR</b>	1.09
<b>SABAH</b>	1.08
<b>PULAU PINANG</b>	1.07
<b>KELANTAN</b>	1.04
<b>PERAK</b>	1.03
<b>TERENGGANU</b>	1.03
<b>KEDAH</b>	1.02
<b>PAHANG</b>	1.02
<b>SELANGOR</b>	0.92
<b>WP PUTRAJAYA</b>	0.91
<b>MELAKA</b>	0.90
<b>WP KUALA LUMPUR</b>	0.81
<b>NEGERI SEMBILAN</b>	0.81
<b>WP LABUAN</b>	0
<b>MALAYSIA</b>	<b>0.99</b>